

## Econsave - Peraduan Beli & Menang Bersama Dugro® | 1 Jun 2024 – 31 Julai 2024

### Terma dan Syarat:

1. Beli & Menang (“**Peraduan**”) dianjurkan oleh Danone Specialized Nutrition (Malaysia) Sdn. Bhd. (“**Pihak Penganjur**”). Dengan menyertai Peraduan, anda (“**Peserta**”):
  - a. mengesahkan bahawa anda telah membaca, memahami dan bersetuju untuk menerima terma dan syarat Peraduan ini yang tertera di bawah (“**Terma dan Syarat**”).
  - b. memberi kebenaran untuk memproseskan Data Peribadi anda menurut Terma dan Syarat ini dan notis privasi di pautan berikut: <https://www.dugro.com.my/bm/privacypolicy.html>
  - c. bersetuju bahawa keputusan Pihak Penganjur mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta. Sebarang surat-menurat dan rayuan tidak akan dilayan.
2. Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas (pada tahun 2024) kecuali kakitangan Pihak Penganjur dan ahli keluarga terdekat termasuk syarikat-syarikat sekutunya, pembekal/ pengedar, agensi-agensi promosi, dan agensi-agensi pengiklanan/perhubungan yang terlibat dalam Peraduan ini.
3. Peraduan bermula pada 1 Jun 2024 dan berakhir pada 31 Julai 2024 (“**Tempoh Peraduan**”). Semua penyertaan Peraduan mesti diterima pada 7 Ogos 2024 jam 23.59PM. Hanya resit asal bertarikh antara 1 Jun 2024 dan berakhir pada 31 Julai 2024 (“**Bukti Pembelian**”) sah untuk Peraduan ini. Bukti Pembelian mesti digunakan sekali sahaja. Sebarang penyertaan lewat atau penyertaan dengan bukti pembelian bertarikh bukan dalam Tempoh Peraduan yang dinyatakan tidak akan dilayan. Pihak Penganjur berhak untuk meminda Tempoh Peraduan pada bila-bila masa dengan pemberitahuan di <https://www.dugro.com.my/bm.html>. Penyertaan Peraduan dianggap diterima pada masa penerimaan melalui WhatsApp oleh Pihak Penganjur dan bukan pada masa penghantaran atau pengeposan. Komputer Pihak Penganjur adalah peranti penyimpan masa rasmi untuk Peraduan.
4. Cara-cara penyertaan:
  - a. Peraduan hanya sah untuk setiap pembelian produk Dugro® Langkah 3/4/5 (550g/850g/1.5kg) sebarang varian, Dugro® Veg & Fruit, Dugro® Sure, Dugro® SurePlus, Dugro® Soy bernilai RM20 & ke atas dalam satu resit asal dan setiap resit asal layak untuk satu (1) penyertaan. Semua penyertaan adalah terhad kepada produk yang dibeli daripada cawangan Econsave (“**Kedai Penyertaan**”) semasa tempoh Peraduan.
  - b. Lengkapkan ayat di bawah dengan tidak melebihi 30 patah perkataan:  
“Dugro® adalah pilihan hati saya kerana .....”
  - c. Hantarkan perkara 4, a & b melalui WhatsApp ke +6011-56318832 dengan <Nama>, <Nombor KP>, <Nombor Resit>, <Jawapan>, sertakan gambar Bukti Pembelian yang lengkap dan jelas.

Contoh: Nicole Lim, 860101-10-1234, 123-456-789, Dugro® adalah pilihan hati saya kerana ia dirumus dengan Kalsium, IcFOS, Protein, Vitamin A dan 100% lebih\* DHA.

- d. Bukti Pembelian dianggap sah dengan butiran berikut:
  - i. Masa dan tarikh pembelian.
  - ii. Nama dan alamat Kedai Penyertaan pembelian dibuat.
  - iii. Nombor resit pembelian.
  - iv. Penerangan penuh produk Dugro® dalam pembelian.
- e. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan yang diingini tetapi setiap penyertaan mesti disertakan dengan Bukti Pembelian yang asal (sebarang Bukti Pembelian yang telah difotokopikan tidak akan diterima) yang dikehendaki dan mencukupi. Setiap Bukti Pembelian hanya layak untuk satu penyertaan sahaja. Pihak Pengajur berhak untuk membatalkan Bukti Pembelian yang salah, tidak lengkap, lewat atau tidak jelas.

- 5. Hadiah Peraduan (“Hadiah”):-
  - a. Hadiah Utama x 2 pemenang – Baucar Perlancongan bernilai RM 2,500
    - i. Pemenang boleh menuntut Baucar Perlancongan bernilai RM 2,500 daripada agensi pelancongan yang ditetapkan oleh Pihak Pengajur.
    - ii. Pemenang boleh memilih pakej pelancongan dalam negeri atau luar negara dengan menggunakan Baucer Perlancongan.
    - iii. Jika pakej pelancongan melebihi nilai Baucar iaitu RM 2,500, Pemenang dikehendaki membayar perbezaan nilai pakej pelancongan dengan duit sendiri. Pihak Pengajur juga tidak akan membayar baki nilai Baucar Perlancongan sekiranya pakej pelancongan kurang daripada nilai Baucar iaitu RM 2,500.
  - b. Hadiah Saguhati x 50 pemenang – Kredit Touch n’ Go e-Wallet bernilai RM 50 dan Baucar Econsave bernilai RM50

- 6. Pemilihan Pemenang:
  - a. Semua penyertaan yang layak akan tertakluk kepada proses pemilihan jawapan yang paling kreatif untuk menyenarai pendek semua pemenang Hadiah (**“Finalis”**).
  - b. Pemenang akan dihubungi melalui pembalasan Whatsapp dengan usaha terbaik, maksimum sebanyak tiga (3) percubaan. Sekiranya Finalis tidak membala mesej dalam 2 hari, Pihak Pengajur berhak menggantikan Finalis tersebut dengan Finalis yang seterusnya. Pihak Pengajur tidak akan bertanggungjawab dalam apa juu keadaan sekalipun jika Finalis tidak dapat dihubungi.

c. Setiap peserta hanya akan memenangi satu (1) Hadiah sepanjang Tempoh Peraduan, tanpa mengira bilangan penyertaan yang diserahkan kepada Pihak Pengajur.

d. Keputusan yang dibuat oleh Pihak Pengajur adalah muktamad, mengikat dan tidak boleh dipertikaikan. Sebarang bentuk pertikaian dan/atau aduan melalui sebarang jenis medium tidak akan dilayan.

7. Penyampaian Hadiah:

a. Hadiah Utama akan dihantar kepada pemenang. Pemenang adalah bertanggungjawab untuk memberikan butiran yang betul dan alamat yang sah.

b. Hadiah Saguhati kod kredit Touch n' Go eWallet akan dihantar melalui WhatsApp kepada pemenang. Pemenang adalah bertanggungjawab untuk memberikan butiran yang betul dan nombor telefon yang sah. Hadiah mesti digunakan sepenuhnya dalam satu transaksi dan sebarang nilai yang tidak digunakan akan dilucutahkan dan tidak akan dikembalikan.

c. Hadiah Saguhati baucar EconSAVE akan dihantar kepada pemenang. Pemenang adalah bertanggungjawab untuk memberikan butiran yang betul dan alamat yang sah.

d. Peraduan ini sah untuk alamat Malaysia sahaja.

e. Sebarang item yang dipulangkan kepada Pihak Pengajur dan tidak ditebus akan dilucutahkan.  
f. Hadiah akan dihantar kepada pemenang dalam tempoh 4 hingga 6 minggu mulai 27 Ogos 2024.  
g. Hadiah tidak boleh dipindah milik, ditukar dan ditebus dengan wang tunai.

8. Pihak Pengajur dan kesemua pihak yang terlibat dalam Peraduan ini termasuk pengarah, pegawai dan ejen adalah tidak bertanggungjawab terhadap yang berikut:- (a) Campur tangan oleh pihak yang tidak berkenaan; (b) Kesilapan manusia dan kegagalan elektronik/teknikal dalam pentadbiran Peraduan ini; (c) Sebarang penyertaan yang salah dihantar atau tidak diterima; dan (d) Semua liabiliti (termasuk kematian) yang terlibat sama ada disebabkan penggunaan Hadiah dan/atau penyertaannya dalam Peraduan ini secara langsung atau tidak langsung.

9. Pihak Pengajur berhak dalam budi bicaranya untuk menolak atau membatalkan sebarang penyertaan yang salah, tidak lengkap, sukar dibaca, rosak, lewat dan/atau tidak mempunyai Bukti Pembelian yang betul. Sebarang penyertaan yang mengandungi unsur-unsur dakwaan atau fitnah, melibatkan peniruan, melanggar (atau mungkin melanggar) sebarang hak cipta, tanda dagangan, atau apa-apa hak harta intelektual atau hak proprietari mana-mana entiti, bagi yang masih hidup mahupun yang sudah mati (termasuk hak-hak privasi, publisiti atau gambaran yang palsu) akan dilucutahkan secara automatik.

10. Pihak Pengajur berhak untuk menggantikan sebarang Hadiah dengan hadiah lain yang mempunyai nilai yang sama atau hampir sama tanpa sebarang notis. Pihak Pengajur tidak akan

memberi apa jua jaminan mengenai penjualan, kualiti hadiah atau kesesuaian penggunaan atas sebarang tujuan.

11. Pihak Penganjur berhak dalam budi bicaranya, untuk mengubah, menolak atau membatalkan sebarang penyertaan termasuk dan tidak terhad kepada, penyertaan yang mengandungi sebarang elemen yang berkaitan dengan bayi dan/atau produk terpilih yang melanggar Kod Etika Kementerian Kesihatan Malaysia bagi Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan.

12. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa keingkaran atau kerugian yang dialami oleh mana-mana pihak yang disebabkan oleh bencana alam, perang, rusuhan, mogok, tindakan industri, wabak, kuarantin, kesekatan kerajaan atau tindakan kerajaan, kebakaran, banjir, ribut, kegagalan teknikal atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah Pihak Penganjur.

13. Peserta adalah bertanggungjawab sepenuhnya bagi menanggung semua risiko, liabiliti, kecederaan, kerosakan atau tuntutan yang disebabkan oleh penyertaan mereka dalam Peraduan ini dan daripada penggunaan hadiah.

14. Dengan menerima atau menggunakan mana-mana Hadiah Peraduan, peserta bersetuju untuk melepaskan tanggungan Pihak Penganjur, semua rakan niaganya dan pihak-pihak lain yang berkaitan dengan Peraduan ini, termasuk pengarah, pegawai, kakitangan dan ejen mereka daripada mana-mana tuntutan, pendakwaan, penghakiman, kerosakan, kerugian atau liabiliti yang ditanggung, berkaitan dengan penyertaannya dalam Peraduan ini, penerimaan dan/atau penebusan dan/atau penggunaan bagi mana-mana Hadiah.

15. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Peserta bersetuju untuk mengetepikan apa-apa hak yang berkenaan dengan kerugian atau kerosakan yang timbul dengan penggunaan Hadiah atau penyertaan Peserta dalam Peraduan ini terhadap Pihak Penganjur dan/atau pegawai, pekerja, wakil dan/atau agensi terlantik (termasuk pembekal atau mana-mana pihak ketiga).

16. Dengan menyertai Peraduan ini dan penerimaan hadiah, pemenang bersetuju dan memberi kebenaran kepada Pihak Penganjur untuk menggunakan nama, alamat, gambar, butiran peribadi, dokumen, dan maklumat tanpa sebarang bayaran royalti atau bayaran pampasan untuk tujuan pengiklanan dan semua bentuk publisiti yang lain, termasuk, tanpa had kepada sebarang rakaman berkaitan dengan Peraduan ini dari semasa ke semasa.

17. Semua Bukti Pembelian yang dikemukakan untuk Peraduan ini akan menjadi hak milik Pihak Penganjur.

18. **Pemprosesan Data Peribadi.** Dengan menyertai Peraduan ini, setiap Peserta bersetuju dengan pengumpulan, penggunaan dan pemprosesan data peribadi yang diberikan oleh Peserta kepada Pihak Penganjur, yang termasuk nama Peserta, NRIC, alamat, alamat e-mel, butiran hubungan, dan sebarang maklumat yang mungkin mengenal pasti Peserta (secara kolektif, "Data Peribadi") untuk tujuan yang berkaitan dengan Program seperti yang dinyatakan dalam terma dan syarat ini. Dengan menyertai Peraduan, Peserta telah bersetuju untuk Pihak Penganjur berhak memindahkan butiran Data Peribadi

(termasuk dan tanpa had, nama, alamat, nombor telefon, nombor kad pengenalan) kepada agensi terlantik bagi tujuan pengurusan dan menghubungi Peserta untuk tujuan Peraduan ini sahaja. Peserta mempunyai hak untuk mengakses, membetal atau menarik balik persetujuan untuk mendedahkan butiran peribadi daripada Pihak Pengajur. Permintaan boleh dibuat melalui emel ke [privacy.my@danone.com](mailto:privacy.my@danone.com) atau melalui telefon: 1800 38 1038. Rujuk <https://www.dugro.com.my/bm/privacypolicy.html> untuk Notis Penuh di Bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

19. Pihak Pengajur berhak mengubah, membatal, menamatkan, menangguhkan atau menggantung Peraduan ini dengan memberi notis terlebih dahulu dilaman web (<https://www.dugro.com.my/bm/terma-dan-syarat.html>), dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa termasuk mengubah Tempoh Peraduan, membuat penggantian hadiah, membatakan atau menamatkan atau menggantung Peraduan secara keseluruhan atau sebahagian. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa penyertaan Peserta berterusan di dalam Peraduan ini menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah). Peserta tidak berhak untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan daripada Pihak Pengajur bagi sebarang kerugian yang dialami.